

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 13/8/2012
Hari: Rabu MS: 6
Ruangan: NASIONAL

China yakin Malaysia rakan niaga penting

Sepasang panda simbolik perkukuh hubungan

Oleh Norakmah Mat Youb.
norakmah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Keputusan China memberi sepasang beruang panda kepada Malaysia adalah simbolik permulaan hubungan perniagaan dan antara bangsa yang lebih erat antara kedua-dua negara.

Sehubungan itu, pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai meminta Malaysia mengerakkan usaha lebih serius ke arah menjadikan China sebagai rakan dagang dalam pelbagai bidang.

"China adalah sebuah negara yang berpotensi besar kerana hampir semua negara di dunia menjadikan negara itu sebagai rakan dagang penting mereka," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas keputusan Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar China (CWCA) yang akan memberikan sepasang beruang panda kepada Malaysia dan ditempatkan di kawasan khas di Taman Wetland, Putrajaya.

Persetujuan itu akan ditandatangani pada Jumaat ini dan ia sebahagian daripada kerjasama antara CWCA serta Malaysia sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Barjoyai berkata, Malaysia perlu melihat China sebagai potensi rakan niaga yang penting kepada perniagaan di negara ini termasuk industri berat seperti kereta.

"Kerjasama seumpama itu perlu lebih kerap dilaksanakan berikutan China mempunyai banyak teknologi baru dan moden yang mendahului

negara maju lain," katanya.

Selain itu, katanya, kehadiran beruang panda berkenaan bakal memberi nafas baru dalam sektor pelancongan terutama peningkatan jumlah pelancong dari China.

Pensyarah Pengajian Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Kamarulhizam Abdulah berkata, pemberian beruang panda itu menunjukkan keyakinan tinggi terhadap Malaysia.

Katanya, langkah itu juga menunjukkan China mahu melakukan transformasi peringkat hubungan antarabangsa dan memberi isyarat mahu lebih rapat dengan Malaysia.

"Keyakinan besar itu perlu dilihat sebagai penghormatan dan peluang itu wajar digunakan untuk memperatkan hubungan," katanya.



Kerjasama seumpama itu perlu lebih kerap dilaksanakan berikutan China mempunyai banyak teknologi baru dan moden yang mendahului negara maju lain

Barjoyai Bardai
Pakar ekonomi